

LAMPIRAN A

Pelajaran Tawarikh bagi Darjah III


(Halaman 6-7)

PĒLAJARAN TAWARIKH

(Mengikut Sukanan Pelajaran Sekolah-Sekolah)

BAGI

DARJAH III



AA7 71 95

PĒLAJARAN TAWARIKH

Bagi

Darjah III

(Mengikut Sukanan Pelajaran Sekolah-Sekolah)

oleh:

Che'gu 'Abdu! Rahman Ahmad

Sēmang ramai di-dapati di-negeri Perak, Pahang,
Kēdah dan Kēlantan.

ORANG YANG MULA-MULA DI-TANAH MELAYU

Sa-hēlum orang Melayu sampai di-Tanah Melayu ini, di-sini telah ada suku-suku orang liar ia-jitu Sēmang dan Sakai. Mēreka ini di-tépi-tépi tēbing sungai dan di-tépi-tépi laut. Ini ada-lah mēnjadi kēsēnangan bagi mēreka mēnggunakan pērjalanan rakit. Sungai dan laut itu ada-lah mēnjadi jalur raya bagi mēreka. Rumah-bératapkan daun-daun kayu juga tēpapi tiada bér-lantai dan bērdinding. Rumah bagini ia-lah rumah bangsal pisang sa-sikat. Mēreka ini tiada tahu bē-chuchok tanam. Makanan-nya ia-lah bimatang-bimatang hutan saperti babi hutan, monyet, ular dan buah-buahan dan daun-daun kayu hutan. Mēreka sēntiasa bērpindah randah dari satu tempat ka-lain tempat mēnchari makanan. Kēadaan atau sifat orang-orang Sēmang itu kulit-nya hitam saperti orang Habshi atau orang Negro.

Kēpērhayaan mēreka ia-lah manakala mati sa-sa-orang daripada kēluarga atau kawan-kawan-nya mēreka mēninggalkan sahaja si-mati di-tēmpat itu dan bērpindah ka-tēmpat lain. Sa-lain dari itu bahawa konon-nya roh orang-orang yang mati ijin bērkumpul pada sa-buah pulau huah-huahan. Guroh dan pētir sangat di-takuti. Orang-orang

Bagi Orang-Sakai pula, ramai di-dapati di-negeri-negeri Selangor, Hulu dan Hilir Perak, ~~dan Pahang~~ dan Negeri Sembilan. Kēadaan tuboh-badan-nya tēgap, rambut gēnjor, kulit kēhitam-hitaman. Mēreka suka mēmakai pērhiasan dengan mēchonteng-chonteng mukka dan badan dengan gētah kayu atau arang. Makanan-nya sa-rupa juga dengan orang-orang Sēmang ia-ini mēmakan bin-tang-binatang hutan. Alat senjata mērka ia-lah sumpit dan lēmbing di-buat daripada buloh. Tēmpat kēdiaman-nya ia-lah di atas rumah ran ia-itu pondok di-atas pokok mēmpunyai atap, dinding dan lantai di-huat daripada dahan-dahan kayu dan daun-daun kayu. Makanan mēreka ini yang paling di-gēmari-nya ia-lah sēkoi. Sēkoi ini jadi sa-bagai nasi bagi mērka. Orang Sakai rajin bēr-chok tanam saperti tēbu, pisang, ubi, kēladi, sēkoi dan tēmbakau. Sa-kira-nya mati salah sa-orang dari mēreka, tempat iju di-tinggalkan mērka sahaja walaupun banyak hasil-hasil tanaman-nya.

Kēpērhayaan Sakai: sa-saorang yang mati di-kuborkan, di atas kubor-nya itu di-tarohkan harta dan barang-barang makanan si-mati itu. Tēpapi kalau diukur atau pawang-nya mati, tidak di-kuborkan malah di-gantong mayat itu di-pokok kayu. Maksud-nya di-buat dēmikian supaya mayat itu di-binasai atau di-koyak-koyakkkan oleh harimau jadi-jadian. Dēngan bagitu konon-nya ia tērik-paslah seksa kēnatian si-mati itu. Mērka takut kapada hantu. Ada-lah jadi satu sumpahan bagi-

LAMPIRAN B

Kesah-Kesah Zaman Lampau

(Isi Kandungan dan Halaman 1)

2

KESAH₂ ZAMAN LAMPAU

Sejarah Rendah Federal Untuk Sekolah2 Di-Malaysia BUKU 2

GIBS 105

3/86

Perpustakaan Universiti Malaya



A505537682

FEDERAL
PUBLICATIONS SDN. BHD. 

KANDONGAN

1	ORANG2 EROPAH YANG PERTAMA DI-MALAYSIA Benggali Puteh; Perang Rebut Melaka Kubu yang Mashhor; Orang Belanda Ambil Melaka	1
2	ORANG BRITISH DI-ASIA Sultan Kedah dan Bunga Emas; Francis Light di-Pulau Pinang—Pulau Prince of Wales Sir Stamford Raffles dan Singapura; Negeri-Negeri Selat	14
3	CHERITA-CHERITA DARI NEGERI CHINA Maharaja yang Pertama; Raja-Raja Monggol; Barang-Barang Rekaan China	25
4	CHERITA-CHERITA DARI INDIA Asoka yang Perkasa; Akbar—Raja Monghul yang Agong Robert Clive Menjadi Askar; Tentera India Memberontak; Mahatma Gandhi; India dan Pakistan	37
5	EMPAT ORANG ASIA YANG MASHHOR Ibnu Sina—Doktor Perubatan Jose Rizal—Pahlawan Agong; Raja Mongkut Thai; Maharaja Meiji	56
6	PEMIMPIN2 MASHHOR Raja Iskandar Zulkarnain; Julius Caesar Joan of Arc—Gadis dari Orleans Napoleon Bonaparte—Kopral Pendek	68
7	PENGEMBARA2 MASHHOR Marco Polo; Vasco Da Gama—Pengembara Portugis David Livingstone—Mubaligh dan Pengembara	82
8	NEGARAWAN2 MASHHOR George Washington; Abraham Lincoln Mustapha Kemal—Bapa Bangsa Turki	91
9	ALBERT SCHWEITZER	102
10	WILLIAM SHAKESPEARE	106

SAB 1

Orang2 Eropah yang Pertama Di-Malaysia

1—Benggali Puteh

Pada suatu hari dalam tahun 1509, sebuah kapal asing belayar masuk ke pelabuhan Melaka. Kapal2 itu tidak sama dengan kapal2 India, China dan lain-lain yang ada di-pelabuhan. Orang2 Melaka sangat hairan melihatnya.

"Kapal2 apa agaknya itu?" kata salah seorang yang melihat.

"Orang kita kapal2 macham itu berasal dari Benggala," kata sa-orang lain. "Bila orang2 asing itu naik ka-darat, kita2 Melaka ingat mereka datang dari Benggala."

"Sampi ada orang yang lebeh tahu tentang2 asing ini. Saudagar2 dari India atau Arabia tahu bahawa kapal2 itu berasal dari Eropah. Orang2 yang dibawa oleh kapal2 itu ia-lah orang2 Eropah."

"Berapa tahun orang2 Islam telah mengenalnya. Mereka tidak beri peluang untuk mengenalnya kapada orang2 lain. Mereka yang membeli rempah2 dan batik dari Timor untuk di-jual di Eropah. Sekarang orang2 Portugis telah sampai ka-Melaka. Saudagar2 kita takut perniagaan mereka hilang."

"Orang2 Melaka berkawan2 dengan orang2 Portugis, saudagar2 Islam pergi berjumpa dengan Bendahara Tun Mutahir. Mereka minta untuk halaukan orang2 Portugis. Sultan Mahmud amat-lah murka bila mendengar dari Bendahara apa

saudagar2 itu minta. "Orang2 Portugis berlaku baik di-Melaka," kata baginda. "Mereka beli rempah2 kita dan mereka bayar dengan emas. Mereka bukan musoh kita."

Bendahara Tun Mutahir tundok dengan hormat-nya, "Tuanku, saudagar2 Islam mengadu", kata Bendahara. "Orang2 baru ini akan menchuri perniagaan mereka. Mereka minta men-gadap, Tuanku."

Sultan Mahmud bangun perlahan2 dari kerusi-nya. "Bawa-lah mereka masok," kata baginda.

Sementara Tun Mutahir pergi memanggil saudagar2 itu, Sultan Mahmud berjalan ka-jendela. Baginda melihat arah bandar Melaka. Istana baginda letak-nya di atas bukit. Di-pelabuhan, di-sa-balek rumah2 dan pasar2, baginda Sultan Mahmud nampak kapal2 orang Portugis berlabuh.

Ramai orang2 Melaka pergi ka-pantai hendak melihat orang2 baru itu naik ka-darat. Mereka tarek janggut orang2 Portugis kerana hendak tahu janggut betul atau tidak. Mereka rasa kain pakaian mereka yang ganjil. Mereka panggil mereka Benggali Puteh kerana mereka ia-lah orang2 Eropah yang pertama datang ka-Melaka. Ketua angkatan kapal2 itu ia-lah Laksamana Lopez de Sequeira. Ia hantar hadiah2 kepada Sultan. Bendahara Tun Mutahir

LAMPIRAN C

Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah

SUKATAN PELAJARAN SEKOLAH
MENENGAH


ENTERED TO THE LIBRARY
DATE ENTERED BELOW

*Syllabus For Secondary Schools
(All Media)*

HISTORY

E181

15 sen



HADIAH IKHLAS
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Kementerian Pelajaran Malaysia
Kuala Lumpur 1966

UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY

Published as G.N. No. 3625 in the Malaysian Government Gazette dated 25th August, 1966.

SYLLABUS OF HISTORY FOR SECONDARY SCHOOLS

The Syllabuses given below are to be introduced in the respective Forms with effect from January, 1967.

Form I

(A) Asia

(I) S.E. Asia

- (i) The ancient kingdom of the Malay Peninsula.
- (ii) Sri Vijaya; the Sailendras.
- (iii) Majapahit.
- (iv) Temasek.

(II) South East (India)

- (i) Asoka and the Maurya Empire.

(III) East Asia (China)

- (i) Confucius.
- (ii) Shih Huang Ti and the unification of China.
- (iii) Imperial expansion during the Han and Tang dynasties.

(B) Europe

- (i) Greece-Sparta, Athens; Alexander the Great.
- (ii) The Roman Empire — its legacy.

(C) Beginnings of the Great Religions

- (i) Hinduism.
- (ii) Buddhism.
- (iii) Christianity — its birth and spread up to the period of Constantine.
- (iv) Islam — birth of Islam, spread of Islam in the West and East, the Golden Age of Islam.

Form II

(A) Asia

(I) S.E. Asia

- (i) The travels of Ibn Batuta.
- (ii) The foundation of Malacca; its relations with Siam and China; the spread of Islam in South East Asia.
- (iii) Malacca; its relations with Johore and Acheh; the Portuguese and the Dutch.
- (iv) The Bugis in Malaya.

(II) South Asia (India)

- (i) Muslim invasion — Mahmud of Gazni.
- (ii) The Moghul rulers.

(III) East Asia (China)

- (i) The Mongol Empire — Genghiz Khan, the travels of the Polos.
- (ii) The Ming Dynasty; contacts with S.E. Asia, the Manchu Invasion.

- (B) Europe
- (i) The cultural effects of the Crusades.
 - (ii) Feudal Society.
 - (iii) The Renaissance — Leonardo da Vinci and Michelangelo. The Age of Exploration and Discovery — Henry the Navigator, Columbus, Vasco da Gama.
 - (iv) Beginnings of the Scientific Revolution in the 17th and 18th centuries — Galileo, Newton, Harvey, Kepler.

Form III

(A) *Industrial & Social Revolution.*

- (i) Britain and the Industrial Revolution.
- (ii) France — the French Revolution, Napoleon.
- (iii) U.S.A. the War of Independence, the Civil War.
- (iv) Russia — the Russian Revolution.
- (v) World War I and II.
- (vi) Emergence of Nationalism after World War II in S.E. Asia.

(B) Asia

- | | |
|---------------------------------------|---|
| (I) S.E. Asia | <ul style="list-style-type: none"> (i) Kedah, Johore and the foundation of Penang and Singapore. (ii) British intervention in the Malay States. (iii) Economic and social changes — tin, rubber; immigration. (iv) Malaya in World War II. (v) Malaya and Independence, 1957. (vi) Formation of Malaysia, 1963. (vii) Sabah, Sarawak and Brunei since 1945. (viii) Thailand, Phillipines and Indonesia, since 1945. |
| (II) South Asia
(India & Pakistan) | <ul style="list-style-type: none"> (i) Brief outline of the establishment and spread of British power in India. (ii) Indian Mutiny, Indian National Congress. (iii) Ghandi, Jinnah, Independence, India and Pakistan. |
| (III) East Asia
(China and Japan). | <ul style="list-style-type: none"> (i) Impact of the West on China and Japan in the 19th century. (ii) The Chinese Revolution, 1911 and its consequences. (iii) Japanese territorial expansion up to World War II. |

LAMPIRAN D

**Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah-Sekolah Malaysia
(Halaman 11-12)**

perasaan perantahaman dan hormat menghormati akan diri-diri istimewa kegemaran sesugut kaum.

Satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian ialah sejarah Sabah dan Sarawak. Setakat ini, nampaknya sejarah kedua-dua negeri tersebut tidak diberi perhatian yang sewajar, sama ada dari segi sukan pelajaran, penulisan buku teks atau pun pengajaran di bilik darjah. Hakikat bahawa Malaysia Timur agak tertinggal dalam hal ini mungkin disebabkan kurangnya kepakaran penulis-penulis buku teks sejarah mengenai sejarah Malaysia Timur. Keadaan ini mungkin diruncingkan oleh kesultanan mendapatkan sumber-sumber dan bahan-bahan sejarah mengenai Sabah dan Sarawak. Walaupun pun sebabnya, keadaan sedemikian tidak harus dibenarkan berpanjangan. Sabah dan Sarawak adalah menjadi komponen penting negara Malaysia dan langkah-langkah positif hendaklah dipergiatken untuk mengubahsuai sukanan pelajaran supaya negeri-negeri tersebut dapat diberi tayangan yang sewajar dari segi sejarahnya.

Selain daripada itu setengah buku teks sejarah nampaknya terlalu menekankan diri-diri perbezaan antara kaum dengan cara yang kurang positif. Sebagai ilustrasi, cubalah kita kaji perikanan yang berikut:

Secara keseluruhannya kita masih lagi dapat mengandalkan kaum-kaum di Malaysia dengan melihat rupa bentuk mereka. Misalnya, kalau mereka itu berkultit putih kuning, bermata sepet dan berambut gemjur maka kita boleh ketahuan mereka itu beretal dari kaum China (*etc.*). Kalau kultit mereka gelap, berhidung mancing dan berambut ikil maka kita boleh menganggapnya beretal dari keturunan India. Manakala yang berkultit kuning langsat atau hitam manis maka tahulah kita bahawa mereka ini dari keturunan Bumiputera...

Bentuk pekerjaan mereka juga mungkin ketara lagi hingga sekiranya. Ramai orang-orang China berkaria sebagai peniaga-peniaga. Orang-orang Indie sebagai penoreh-penoreh getah di estet-estet, mankukela Bumiputera pula bekerja sebagai pekebun-pekebun kecil, nelayan-nelayan dan ahli-ahli pasukan keselamatan...

Berhubungan dengan sikap hidup pula ketiga-tiga kaum yang terbesar ini mempunyai sikap yang berbezaan. Kaum Bumi-putera mempunyai sikap pertu dan setia kepada ketua mereka melebih dari diri mereka sendiri. ... Bagi orang-orang China pula tujuan hidup mereka adalah mencari kekayaan. Untuk mencapai tujuan ini mereka selalu bersikap nekad sama ada di dalam perniagaan atau perjudian. Bagi orang-orang Indie pula mereka sangat mementingkan taref mereka. . .

Keum China mempunyai satu tabiat yang telah menjadi darah dia ging mereka. Mereka gemar sekali melibatkan diri mereka di dalam pertubuhan Kongsi-gelap. Boleh dikatakan di mana sahaja mereka berkumpung mereka terdapat perkelahian-perkelahian Kongsi-gelap. . . Bagi kaum India, . . mereka sangat gemar dengan berpasukan . . . Bagi kaum Bumiputera pula mereka tidaklah begitu terlibat di dalam rancangan-rancangan ekonomi yang berkaitan inggeris?

Pengelalan sesuatu kaum mengikut diri-diri fizikal, pekerjaan dan sikap kurang menepati matlamat kerajaan mengikaskan pengesalian kaum berdasarkan ciri-ciri stereotype. Tambahan pula, diri-diri sikap yang ditonjolkan sebagai mewakili secara umum sesuatu kaum kurang positif dan ketepatannya boleh dipengalakkan.

Perbincangan setakat ini telah ditumpukan kepada isu-isu yang luas yang boleh menjaskan kedudukan sejarah keseluruhannya. Tujuannya ialah bagi menunjukkan perl pentingnya perkara-perkara dasar seperti perencangan sukanan pelajaran, penentuan bahag-bahan dan topik-topik sejarah, ilputan dan penulisan buku teks diteliti agar diatasi kelemahan-kelemahannya. Selegi aspek-aspek tersebut tidak diberi perhatian sewajar, pengajaran sejarah kepada murid-murid sekolah tidak akan memperoleh kesan yang diharapkan.

⁷ Abdul Rahman Yeop dan Nordin Awal, *Buku teks sejarah untuk sekolah menengah (ingkatan 2)*, Segamat, Textbooks Malaysia, 1978, m.s. 934.

LAMPIRAN E

Sejarah Menengah Baru 1

(Contoh-Contoh Soalan)

Kuching	24. Pakistan
Kota	25. Asia Barat
Kinabalu	26. Afrika Utara
Teluk	27. Afrika Selatan
Berunei	28. Great Britain
Indonesia	29. Kwangtung
Jawa	30. Fukien
Sumatera	31. Hainan
Sulawesi	32. Fu Nan
Maluku	33. Coromandel
Borneo	34. Malabar
Negeri Thai	35. Papua New Guinea
Burma	36. Bau
Kemboja	37. Mukah
China	38. Oya
Yuanan	39. Dalat
Bengal	40. Ranau
Xiang Si	41. Tambunan
na	42. Kota Belud

sebuah peta benua Asia. Dengan menggunakan anak panah tunjukkan hijrahan kaum-kaum di Malaysia.

• untuk diingati

- anda ingat tarikh-tarikh ini serta - dalam sejarah taburan penduduk Malaysia?

- 15 3. Abad 20
- 19 4. 1970

• SOALAN UNTUK PEMIKIRAN DAN DISCUSSION.

• Soalan ringkas

• Asia merupakan sebuah negeri besar dan mempunyai bilangan penduduk 11 juta orang. Mengapakah berbagai kumpulan kaum ada di Malaysia?
• Yang lalu Malaysia telah dibentuk oleh India dan China. Negeri yang paling berpengaruh di sini? Nyatakan sebab-sebabnya

B. *Fahaman*

Tulis satu senarai nama-nama kawan anda yang terdiri dari kaum-kaum yang berlainan. Bagaimanakah anda boleh berkawan lebih baik dengan kaum-kaum itu?

C. *Sikap*

1. Adakah anda bersetuju dengan pendapat bahwa dengan menggunakan satu bahasa yang sama adalah jalan yang terbaik untuk menyatukan penduduk di Malaysia menjadi sebuah negara? Berikan jawaban anda dengan sebab-sebabnya sekali.
2. Apakah yang perlu anda lakukan untuk menjadikan penduduk Malaysia bersatupadu?

III. BOLEHKAH ANDA MELAHIRKAN PENDUDUK? PANDAIKAH ANDA BERKONGSI IDEA DENGAN KAWAN-KAWAN?

1. Beri satu ceramah ringkas mengenai kumpulan-kumpulan kaum utama di Malaysia.
2. Terangkan kepada kawan-kawan anda apakah yang dikatakan *benci*. Bagaimanakah *benci* dijalankan?
3. Senaraikan sifat-sifat utama orang Melayu, orang China, orang India, orang Sabah, orang Sarawak. Bandingkan jawaban anda dengan senarai kawan-kawan anda.
4. Kemukakan kepada klas siapakah yang dikatakan Orang Asli? Bagaimanakah mereka berbeza dengan orang Malaysia yang lainnya?

IV. KEGIATAN UNTUK MENGEMBANGKAN KEBOLEHAN DAYACIPTA, KEMAHIRAN DAN FAHAMAN DENGAN LEBIH MENDALAM.

A. Perkara-perkara untuk dibuat

1. Buat senarai juraian keluarga anda dan tuliskan sejarah keluarga anda berdasarkan juraian itu.
2. Buat satu kajian mengenai orang-orang di kampung anda dan dapatkan bukti-buktinya dari mana asal mereka dan bila

LAMPIRAN F

Sejarah Menengah Baru 1

(Halaman 24)

Siapakah Orang Melayu?

Orang Melayu merupakan sebahagian dari satu rumpun besar yang telah mulai datang dan menduduki Semenanjung dan lain-lain kepulauan Melayu di Asia Tenggara kira-kira lebih tiga ribu tahun yang lalu. Orang Aceh dan orang Minangkabau di Sumatera, orang Jawa, Sunda dan Madura di Tanah Jawa dan orang Bali, Makasar, Bugis dan Minahassa dari Sulawesi merupakan sebahagian daripada keluarga besar ini. Orang Melayu mempunyai pertalian dengan orang Mon di Selatan Negeri Thai, dengan orang Khmer di Kemboja (Republik Khmer) dan juga dengan orang Tagalog, orang Visayan dan juga dengan penduduk-penduduk pulau Filipina yang lain.

Sepertimana yang ditunjukkan di dalam peta, orang Melayu telah datang ke Asia Tenggara dari tempat asal mereka di Datarantinggi Yunnan. Mereka melalui sungai yang besar menghala ke arah selatan dan menuju ke tempat-tempat yang sekarang dikenali sebagai Burma, Negeri Thai, Kemboja dan Vietnam. Setelah mereka sampai ke laut, dengan sampan mereka menyusur sepanjang pantai beberapa negeri dan pulau dan berhenti serta menetap di beberapa tempat yang mereka fikirkan sesuai. Kesemuanya ini mengambil masa yang lama, mungkin lebih seribu tahun. Mereka datang dalam kumpulan-kumpulan kecil yang berpisah-pisah di antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lainnya. Inilah yang menjadi salah satu sebab mengapa orang-orang dari rumpun besar ini telah berpecah-pecah kepada beberapa kumpulan yang berbeza-beza pada masa sekarang.

Apabila orang-orang Melayu yang tersebut mula menduduki kuala-kuala dan menuju ke hulu masuk ke pedalaman Semenanjung dan pulau-pulau, mereka dapati bazi tempat-tempat tersebut telahpun diduduki oleh orang-orang lain. Penduduk-penduduk yang mereka temui itu pun telah datang dari utara mungkin melalui darat dari India. Para sejarawan membuat perbezaan di antara kedua-dua kumpulan yang berbeza ini dengan menamakan kumpulan yang lebih awal mendiami negeri ini sebagai 'Melayu-Proto' dan yang terkemudian sedikit sebagai 'Melayu-Deutero'. (Proto dan Deutero adalah bahasa Greek yang bermakna 'Pertama,' dan 'Kedua'). Keturunan orang-orang dari Melayu-Proto yang terdapat di Malaysia sekarang ialah orang-orang Jakun di Negeri Johor, Orang Iban, Dayak Darat, Kenyah dan Kayan di Negeri Sarawak, Orang Kadazan dan Murut di Negeri Sabah. Tahukah anda siapakah yang merupakan keturunan Melayu-Deutero?

Begitu juga, bahasa Melayu mempunyai hubungan dengan bahasa-bahasa yang digunakan orang di sekitarini. Sesungguhnya ada beberapa persamaan di antara bahasa Melayu dengan bahasa orang Khmer dan orang-orang Filipina (terutamanya bahasa Tagalog).

Berdasarkan hubungan yang begitu rapat di antara orang-orang Malaysia, Indonesia dan Filipina moden, maka setengah-setengah ahli-ahli politik telah berpendapat agar diwujudkan negara-negara ini kepada persatuhan yang dikenali sebagai Maphilindo.

Orang China

Golongan yang kedua besarnya di Malaysia ialah orang China. Bilangan mereka kira-kira dua perlima dari bilangan penduduk Semenanjung Malaysia. Hampir satu pertiga dari

bilangan penduduk Sarawak dan satu perlima daripada bilangan penduduk Sabah terdiri dari orang China. Di Semenanjung Malaysia mereka merupakan golongan yang terbesar negeri Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

LAMPIRAN G

Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Menengah Rendah KBSM

Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Menengah Rendah

TEMA 1: KEAGUNGAN KESULTANAN MELAYU MELAKA

Tema ini mengisahkan kemunculan Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah kerajaan yang kuat di gugusan Kepulauan Melayu pada abad ke-15 hingga awal abad ke-16. Pada zaman kegemilangannya, Kesultanan Melayu Melaka telah membina satu tradisi budaya, politik dan ekonomi yang diwarisi hingga kini. Kegemilangan dan kemakmuran Melaka telah menarik minat Portugis untuk datang dan seterusnya menguasai Melaka. Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 memaksa waris Kesultanan Melaka berpindah ke Johor dan dari situ lah mereka meneruskan perjuangan untuk menegakkan semula kedaulatan Melaka. Sebagai latar belakang kepada Kesultanan Melayu Melaka, tema ini juga menyentuh tentang kewujudan petempatan-petempatan dan kerajaan-kerajaan awal di Gugusan Kepulauan Melayu.

TEMA 2: KERAJAAN-KERAJAAN MELAYU SELEPAS MELAKA MENJADI ASAS KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MASA KINI

Tema ini adalah tentang kemunculan semula kerajaan-kerajaan lain seperti Brunei, Sulu dan Acheh di Gugusan Kepulauan Melayu setelah kejatuhan Melaka di tangan Portugis. Pada zaman kekuasaannya, pengaruh Brunei dan Sulu meliputi beberapa kawasan tertentu di Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung Tanah Melayu, kerajaan-kerajaan seperti Johor, Perak, Pahang dan lain-lain semakin kukuh dan menjadi asas kerajaan-kerajaan negeri masa kini. Walaupun terdapat kegiatan berbagai-bagi kuasa luar serta pergolakan dalam negeri, namun struktur masyarakat dan sistem masyarakat bumiputra tidak berubah. Oleh kerana tema ini menyentuh tentang aspek-

aspek sejarah negeri, maka pengkajian tentang sejarah tempatan dimasukkan dalam tema ini.

TEMA 3: KEMAKMURAN DAN KEKAYAAN NEGARA KITA MENARIK KUASA LUAR UNTUK MENJAJAH NEGARA KITA

Tema ini membicarakan tentang perluasan pengaruh dan penjajahan British di negara kita. British telah mengubah sistem ekonomi tradisional kepada bentuk perdagangan, industri dan penggunaan teknologi moden. Perubahan ekonomi ini membawa berbagai-bagi kesan dalam kehidupan masyarakat. Akibat daripada campur tangan British dalam hal-hal tempatan ini, beberapa tokoh telah bangun menentang British.

TEMA 4: TINDAK BALAS UNTUK MENBUS MARUAH BANGSA DAN NEGARA

Tema ini memberi tumpuan kepada kebangkitan semangat kebangsaan secara tersusun untuk membebaskan negara daripada belenggu penjajahan. Semangat kebangsaan ini diperjuangkan oleh badan-badan dan kesatuan-kesatuan yang mempunyai corak perjuangan dan matlamat tertentu. Melalui pendidikan, karya penulisan dan persuratkhabaran, semangat perjuangan disebarluaskan kepada masyarakat umum.

TEMA 5: PERJUANGAN RAKYAT KE ARAH KEMERDEKAAN TANAH AIR

Tema ini memaparkan detik-detik perjuangan yang dialami oleh rakyat ke arah menuntut kemerdekaan tanah air. Pengalaman semasa Pendudukan Jepun menyemarakkan lagi semangat kebangsaan di kalangan rakyat. Pembentukan Malayan

Union telah ditentang hebat oleh orang Melayu sehingga memaksa kerajaan British menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu. Ancaman komunis tidak menghalang perjuangan rakyat menuntut kemerdekaan, malah mempercepatkan lagi usaha-usaha ke arah mencapai taraf Kerajaan Sendiri. Perjuangan rakyat mencapai kejayaan dengan pengisytiharan Kemerdekaan.

TEMA 6: PEMBENTUKAN NEGARA MALAYSIA

Tema ini membincangkan tentang penubuhan Persekutuan Malaysia yang terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Penyatuan sebelas buah negeri di Semenanjung Tanah Melayu dengan Singapura, Sabah dan Sarawak bertujuan untuk menjamin perpaduan, kemakmuran dan keselamatan bersama. Gagasan ini telah menghadapi berbagai-bagai rintangan dari dalam dan luar negeri pada peringkat awal pembentukannya. Tetapi dengan keazaman politik yang kuat akhirnya pada 16 September 1963 penubuhan Malaysia telah diisytiharkan.

TEMA 7: PENGISIAN KEMERDEKAAN

Tema ini memaparkan perjuangan rakyat Malaysia untuk membina sebuah negara yang berdaulat, aman, bersatu padu dan makmur. Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, rakyat Malaysia perlu membina identiti diri dan berusaha untuk mencapai kemakmuran bersama. Negara Malaysia mempunyai sistem pemerintahan dan pentadbiran yang tersendiri, serta pelbagai rancangan pembangunan bagi menjamin perpaduan dan kesejahteraan kehidupan rakyat. Sebagai sebuah negara yang berdaulat negara Malaysia juga memainkan peranan dalam meningkatkan kerjasama serantau, hubungan antarabangsa dan keamanan dunia.

LAMPIRAN H

Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Menengah Atas KBSM

Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Menengah Atas

1. Tamadun Awal di Asia Tenggara

- Kemunculan kerajaan-kerajaan awal: bentuk dan ciri-cirinya, sistem pemerintahan dan pentadbiran
- Amalan budaya masyarakat: agama dan kepercayaan, kesenian dan kesusasteraan

2. Penguasaan Pemerintahan Kesultanan Melayu

- Sistem pemerintahan dan pentadbiran: institusi kesultanan, sistem perundangan, hubungan luar
- Sistem sosial dan fungsinya: susun lapis masyarakat dan fungsinya, amalan budaya masyarakat pribumi
- Sistem ekonomi: aktiviti ekonomi tradisional, sistem perdagangan dan penggunaan mata wang

3. Pertembungan Budaya Pribumi dengan Barat

- Cabaran Barat dan perubahan: permulaan penjajahan Barat, kemerosotan kuasa ekonomi dan politik golongan pemerintah
- Pelaksanaan dasar dan sistem pentadbiran British: peluasan kuasa British, pengenalan sistem pentadbiran British
- Kesan terhadap masyarakat peribumi: kemerosotan kepimpinan tempatan, perjanjian menentang penjajahan

4. Perubahan Ekonomi

- Penekanan terhadap ekonomi perdagangan: perkembangan terhadap ekonomi perdagangan, penggunaan tenaga buruh luar, modal dan institusi kewangan moden
- Pertumbuhan bandar-bandar: pemusatan kemudahan dan perkhidmatan, kemunculan masyarakat majmuk

5. Pembinaan Negara dan Bangsa

- Konsep negara dan bangsa: pemikiran tentang bangsa dan negara
- Pengasasan kerajaan demokrasi berparlimen: konsep kerajaan demokrasi berparlimen, penglibatan rakyat dalam pemerintahan
- Keluhuran perlembagaan negara: prinsip keluhuran perlembagaan, pindaan perlembagaan

6. Pembangunan dan Kemajuan Negara untuk Kemakmuran Bersama

- Pengongsian kekayaan negara: Rancangan Lima Tahun, Dasar Ekonomi Negara
- Pembangunan bangsa: Rukun Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Negara

7. Malaysia dalam Dunia Antarabangsa

- Peranan dan sumbangan dalam pertubuhan dan institusi serantau: politik, ekonomi, sosial
- Peranan dan sumbangan dalam pertubuhan dan institusi dunia: politik, ekonomi, sosial

Bagi tema dan skop dalam Komponen Dunia, ia menekankan tentang aspek-aspek seperti berikut:

1. Permulaan Tamadun Manusia

- Manusia dan tamadun: pengertian tamadun, proses pembentukan tamadun
- Peningkatan tamadun manusia: peluasan tamadun manusia, sumbangan tamadun manusia

2. Tamadun Islam

- Dunia Islam: kelahiran dan penyebaran Islam, kerajaan-kerajaan dan empayar

Islam

- Sumbangan tamadun Islam: sistem pentadbiran dan perundangan, falsafah, sains dan teknologi
- Islam di Asia Tenggara: kedatangan dan penyebaran Islam, kesan-kesan dan pengaruh Islam

3. Perubahan di Eropah dan Kesannya

- Masyarakat dan budaya Eropah: faktor-faktor perubahan, kesan ke atas Asia Tenggara

4. Zaman Revolusi

- Kemajuan dalam bidang pertanian dan industri: penemuan dan ciptaan sains, perubahan dalam pengeluaran
- Kesan-kesan Zaman Revolusi: kemunculan idea dan institusi politik baru, pengasasan negara-negara moden
- Peluasan kuasa Eropah di Asia Tenggara: faktor-faktor peluasan

5. Imperialisme dan Nasionalisme

- Imperialisme kuasa-kuasa Eropah: penjajahan kuasa-kuasa Eropah, perubahan ekonomi, politik, pentadbiran dan sosial di Asia Tenggara
- Kemunculan kesedaran kebangsaan di Asia Tenggara: penentangan dan pembentukan gerakan islah, gerakan menuntut pemerintahan sendiri dan kemerdekaan menjelang Perang Dunia I dan Perang Dunia II

6. Persaingan dan Kerjasama Masyarakat Antarabangsa

- Konflik antarabangsa: Perang Dunia, kesan-kesan Perang Dunia
- Penubuhan badan dan institusi antarabangsa: kerjasama ekonomi, politik dan sosial dunia, kerjasama ekonomi, politik dan sosial serantau

LAMPIRAN I

Sejarah KBSM Tingkatan Satu (a)



KEMAKMURAN MELAKA MENARIK MINAT PORTUGIS

Peranan Melaka sebagai pusat perdagangan dan pusat penyebaran agama Islam pada kurun ke-15 telah menunjukkan kegemilangan Melaka. Melaka pada masa itu menjadi sebuah kerajaan yang kaya, kuat dan berpengaruh. Kemasyhuran Melaka ini menarik kedatangan kuasa Eropah seperti Portugis. Pernahkah kamu membaca atau mendengar cerita tentang kedatangan Portugis ke Melaka?

Mengapa Portugis Datang ke Timur?

Orang Portugis adalah bangsa Eropah yang pertama datang ke Timur dan juga sampai ke Melaka. Tahukah kamu apakah tujuan mereka datang ke Timur?


Tujuan ini berkaitan dengan perdagangan rempah. Permintaan rempah sangat tinggi di Eropah. Rempah digunakan untuk mengawet makanan dan menambah kelazatannya. Orang Portugis datang ke Timur kerana mahu mencapai rempah terus dari tempat pengelarannya, iaitu di Kepulauan Melayu.

Ketika itu perdagangan rempah dunia

dimonopoli oleh saudagar Islam. Orang Portugis juga ingin memecahkan monopoli perdagangan rempah yang pada ketika itu dikuasai oleh saudagar Islam. Saudagar Islam menjual rempah dengan harga yang tinggi kepada orang Eropah. Mereka memperoleh keuntungan yang banyak dan menjadi kaya. Orang Portugis juga ingin memiliki kekayaan seperti saudagar Islam.

Tambahan pula, orang Portugis telah lama memusuhi orang Islam sejak mereka kalah dalam Perang Salib pada kurun ke-12. Mereka ingin meneruskan perperangan dan menghancurkan kerajaan Islam di Timur. Mereka juga ingin menyebarkan ajaran Kristian.

Di samping itu, Raja Portugal menggalakkan rakyatnya melakukan pengembaraan ke seluruh dunia. Baginda telah menghantar rombongan mencari jalan laut ke Timur. Pada tahun 1498, Vasco da Gama telah sampai ke India. Ini dilukut dengan kedatangan rombongan Lopez de Sequeira ke Melaka pada tahun 1509. Pada tahun berikutnya pula, orang Portugis berjaya menakluki Goa dan menjadikannya pusat operasi mereka di Timur. Kejayaan ini menjadi kemegahan bangsa Portugis.



Orang Portugis mempunyai matlamat tertentu datang ke Timur.

LAMPIRAN J

Sejarah KBSM Tingkatan Satu (b)

Peraturan dan Adat Resam

Masyarakat Sabah kaya dengan pelbagai peraturan, adat resam, kesenian dan kebudayaan. Masyarakat bumiputera Islam seperti orang Bajau, orang Brunei dan lain-lain mempunyai adat resam mereka sendiri.

Orang Bajau mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat. Oleh itu mereka terkenal dengan amalan bergotong-royong. Ini dapat dibuktikan dalam upacara *ngeduang* atau bertukartukar makanan ketika kenduri arwah atau Hari Raya Puasa. Orang Bajau terkenal sebagai penunggang kuda yang cekap. Pada masa dahulu, mereka terkenal sebagai pahlawan yang berani dan kuat mempertahankan agama Islam.

Masyarakat bumiputera bukan Islam kuat mengamalkan peraturan dan adat resam sendiri. Anggota masyarakat yang melakukan kesalahan melanggar adat resam akan dikenakan hukuman denda atau ganti rugi. Ganti rugi ini akan diberikan kepada keluarga mangsa. Antara ganti rugi yang dikenali dalam masyarakat Dusun/Kadazan ialah



Orang Murut dari Tenom dengan pakaian tradisional mereka.



Pakaian tradisional kaum Dusun/Kadazan dari Ranau.

sogit, babas dan *kapanasan*. Apakah peraturan untuk menjaga hubungan kekeluargaan dalam masyarakat kamu?

Hukuman *sogit* dikenakan apabila seseorang melakukan kesalahan merosakkan harta benda atau mencederakan seseorang. *Babas* dikenakan jika seseorang melakukan pergaduhan. Manakala *kapanasan* pula dikenakan apabila seseorang melakukan perbuatan sumbang dalam masyarakat. Upacara membuang panas atau menebus kesalahan diadakan, dan pihak yang bersalah akan menanggung segala perbelanjaan upacara tersebut. Tujuan hukuman adalah untuk mengeratkan semula hubungan pihak yang berselisih faham tadi.

Kesenian

Penduduk negeri Sabah memang kaya dengan seni budaya. Mereka memiliki seni budaya yang menjadi kebanggaan kita bersama. Di antaranya ialah seni tari, seni muzik dan binaan. Orang Brunei terkenal dengan tarian *adai-adai*, *berdogang* dan *umang tating*. Tarian ini biasanya dipersembahkan di majlis perkahwinan dan musim perayaan tertentu. Sementara orang Bajau pula terkenal dengan tarian *runsai* yang diiringi muzik bernama *isun-isun*.

Tarian *sumazau* menjadi kebanggaan orang Dusun/Kadazan. Tarian ini biasanya diadakan ketika pesta menuai, musim perayaan dan majlis tertentu.

LAMPIRAN K

Sejarah KBSM Tingkatan Dua



Abdul Rahim bin Kajai



Abdul Kadir bin Ahmad
(Abdul Kadir Adabi)



Ishak bin Haji Muhammad



Harun Aminurrashid

TAHUKAH KAMU APAKAH MULIAH
KARYA YANG DIHASILKAN
OLEH PENGARANG INI?
Cuba kamu kenal pastu setiap pengarang dan nyatakan dengan ringkas hasil karangan mereka.



Zainal Abidin bin Ahmad
Zabor



Abdul Samad bin Ahmad



Haji Ahmad bin Ismail



Abdullah bin Sidek

Syarif Masahor Pejuang Sarawak


Sultan Brunei telah melantik Syarif Masahor sebagai Gabenor Sarikei di kawasan Sungai Rajang. Beliau merupakan seorang pembesar yang sangat dihormati dan disegani oleh orang Iban dan Melanau. Apabila James Brooke mengambil alih kawasan Sungai Rajang, kedudukan Syarif Masahor sebagai gabenor tergugat. Beliau kehilangan kuasa sebagai seorang pembesar dan tidak lagi berhak mengutip cukai. James Brooke telah membina sebuah kubu di Kanowit. Tindakan Brooke ini mencabar kewibawaan Syarif Masahor sebagai pembesar di situ. Beliau telah berpapakat dengan Datu Patinggi Abdul Gapur di Kuching untuk menyerang kubu James Brooke di Kanowit. Mereka muahu menghalau James Brooke keluar dari Sarawak.

Pada tahun 1859, tentera Syarif Masahor dan Datu Patinggi Abdul Gapur telah menyerang kubu Brooke di Kanowit. Dalam serangan itu orang Melanau di Kanowit telah membunuh dua orang pegawai British.

Seterusnya Syarif Masahor menyerang Kuching tetapi dipatahkan oleh tentera James Brooke di bawah pimpinan Charles Brooke. Syarif Masahor menyelamatkan diri ke Brunei. James Brooke kemudiannya memaksa Sultan Brunei menghantar Syarif Masahor ke Singapura. Syarif Masahor meninggal dunia pada tahun 1890.



Syarif Masahor berasal dari Igan sebuah kampung di muara Sungai Rajang.




Peta 6.3 Peta menunjukkan kedudukan Sarikei di kawasan Sungai Rajang.

Dato' Maharaja Lela Penentang British di Perak

Siapakah Dato' Maharaja Lela? Nama sebenar Dato' Maharaja Lela ialah Pandak Lam. Beliau ialah Orang Besar Delapan Perak dan berkuasa di Pasir Salak. Dato' Maharaja Lela menentang perlantikan Residen British di Perak kerana ia menggugat kedudukan sultan dan pembesar. Perlantikan J.W.W. Birch sebagai Residen British di Perak pada tahun 1874 menimbulkan rasa tidak puas hati Sultan Abdullah dan pembesar Perak. J.W.W. Birch telah menjalankan rancangan sendiri tanpa mengambil kira adat dan peraturan yang diamalkan oleh masyarakat Perak ketika itu.



Gambar ahli pelukis yang menunjukkan Dato' Maharaja Lela.



Peta 6.4 Kedudukan Pasir Salak pada tahun 1874.



Jawab soalan-soalan berikut:

1. Surat perisyiharan apakah yang telah dikeluarkan oleh Birch?
2. Apakah sifat yang terdapat pada Dato' Maharaja Lela yang boleh diteladani?
3. Pada pendapat kamu, mengapa Dato' Maharaja Lela sangat marah kepada Birch?


Birch telah mengeluarkan surat perintah tentang kutipan cukai dan pungutan hasil negeri yang akan dijalankan oleh pegawai kerajaan. Birch memaksa Sultan Abdullah menandatangani surat perintah supaya arahan surat tersebut diikuti oleh rakyat. Hasil cukai yang dipungut mestilah diserahkan kepada perpendaharaan negeri. Sultan dan pembesar Perak tidak lagi boleh memungut cukai. Selain itu, amalan menyimpan hamba juga diharamkan. Perbuatan Birch menambahkan rasa benci sultan dan pembesar terhadapnya.

Pada bulan Julai 1875, Sultan Abdullah telah mengadakan mesyuarat dengan pembesar-pembesar baginda di Kampung Durian Sebatang. Dalam mesyuarat tersebut keputusan diambil untuk membunuh Birch. Dato' Maharaja Lela menawarkan diri untuk menjalankan tugas membunuh Birch. Beliau berpaktat dengan Dato' Sagor, Pandak Indut dan Seputum.

Birch dan rombongannya telah pergi ke Pasir Salak untuk menyebarkan surat siaran tentang pungutan cukai. Kesempatan ini digunakan oleh Dato' Maharaja Lela dan orangnya untuk membunuh Birch pada bulan November 1875. Akibat pembunuhan Birch, British menyerang Pasir Salak. Pertempuran berlaku antara orang Dato' Maharaja Lela dengan pihak British. Pada tahun 1876, Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Pandak Indut dan Seputum telah dijatuhi hukuman gantung sehingga mati.

Dato' Bahaman Pahlawan Semantan

Dato' Bahaman atau Abdul Rahman, pada mulanya hanyalah seorang pekerja di istana Sultan Ahmad. Beliau telah menunjukkan kebolehannya sebagai seorang panglima dalam perang saudara antara Wan Ahmad dengan Wan Mutahir. Dengan kecekapan dan keberanian yang ditunjukkan, beliau dilantik sebagai Orang Besar Delapan dengan gelaran Dato' Setia Perkasa Pahlawan Semantan. Dato' Bahaman juga telah memimpin pasukan Pahang membantu Tunku Kudin dalam perang saudara Selangor. Apabila Orang Kaya Indera Segara Temerloh meninggal dunia, Sultan Ahmad memberi kuasa kepada Dato' Bahaman menjalankan tugas pentadbiran yang sebelum ini dijalankan oleh Orang Kaya Indera Segara.



Dato' Bahaman yang mengetuai gerakan menentang British di Pahang.

Dato' Bahaman menentang campur tangan British di Pahang kerana mahu mempertahankan maruah bangsa. Mengikut perjanjian yang telah ditandatangani pada tahun 1887, seorang wakil British akan ditempatkan di Pahang. Untuk mengetahui sejarah perjuangan Dato' Bahaman, cuba kamu ikuti rentetan perjuangan beliau di bawah ini.

RENTETAN PERJUANGAN DATO' BAHAMAN


1890 - Dato' Bahaman menentang E.A. Wise, majistret British di Temerloh kerana British mendirikan sebuah balai polis di Lubuk Terua tanpa berunding dengan beliau.

1891. - Dato' Bahaman telah menyerang pasukan British kerana tiga orang pengikut beliau ditangkap atas tuduhan mengumpul hasil hutan tanpa izin. Hugh Clifford bersama-sama 60 orang Sipahi telah mengatur gerakan untuk menyerang dan menangkap Dato' Bahaman. Gerakan ini gagal.

1892 - Dato' Bahaman menyerang dan menawan semula Lubuk Terua daripada kekuasaan British.

1894 - Dato' Bahaman dan rakan-rakan beliau iaitu Tok Gajah, Mat Kilau, Awang Nong dan Mat Kelubi berjaya menawan kubu British di Jeram Ampai. Walau bagaimanapun Jeram Ampai ditawan semula oleh British.

1895 - pejuang-pejuang Pahang berundur ke Kelantan dan Terengganu. Dato' Bahaman dan pejuang Pahang yang lain akhirnya meninggalkan Kelantan dan Terengganu.



Peta 6.6 Tempat berlakunya kebangkitan Pahang pada tahun 1890-an.



Gambaran pelukis yang menunjukkan Mat Kilau pejuang Pahang.



'Gopeng Contingent' yang terdiri daripada orang Melayu bersiap sedia untuk menentang penentang British di Pahang pada tahun 1892.



Mengapakah Mat Kilau memainkan peranan penting dalam kebangkitan Pahang?

Katakan kamu seorang wartawan dan diminta memberi laporan tentang Mat Kilau. Cuba kamu dapatkan maklumat tersebut daripada pusat sumber sekolah atau perpustakaan berdekatan. Laporkan maklumat tersebut kepada rakan sekelas kamu.

LAMPIRAN L

Surat-Surat Pengesahan

**DATO' DR. KHOO KAY KIM
PROFESOR EMERITUS**

Mac 6, 2002

**Dekan
Fakulti Sastera & Sains Sosial
Universiti Malaya**

Prof. Khairulmaini yang dihormati

**Puan Norriza bte. Seman
Kursus AGBZ 00029
I.C. 640103-06-5372**

**Ini adalah untuk mengesahkan bahawa penuntut yang tersebut
di atas telah berjumpa dengan saya lima kali untuk
membincangkan tesisnya.**

**Saya berasa puashati dengan kerjanya dan bersetuju tesisnya
bersedia untuk diajukan.**

Sekian.

Yang ikhlas,



**Jabatan Sejarah
Fakulti Sastera & Sains Sosial
Universiti Malaya**

6 hb. Oktober, 2002

KEPADА SESIAPA YANG BERKЕNAAN.

**Per.: Pengesahan Perlaksanaan Sesi Temubual Untuk Tujuan Kajian
Peringkat Sarjana Sastera.**

Sukacita disahkan bahawa Norrizan bt. Seman, No. Kad Pengenalan 640103-06-5372, seorang pelajar program Sarjana Sastera (Sejarah) (No. Pendaftaran: AGBDS 00029) telah melaksanakan sesi temubual dengan diri saya bagi memenuhi keperluan kajian yang sedang beliau jalankan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

EN. SULAIMAN BIN YAHYA
Pen. Kanan Perpaduan
b,p Pengstua
SMK Methodist
35900 Tg. Malim

7hb. Oktober, 2002


KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN.

**Per.: Pengesahan Perlaksanaan Sesi Temubual Untuk Tujuan Kajian
Peringkat Sarjana Sastera.**

Sukacita disahkan bahawa Norrizan bt. Seman, No. Kad Pengenalan 640103-06-5372, seorang pelajar program Sarjana Sastera (Sejarah) (No. Pendaftaran: AGBDS 00029) di Universiti Malaya, telah melaksanakan sesi temubual dengan diri saya bagi memenuhi keperluan kajian yang sedang beliau jalankan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


.....
(HJ. UMAR BIN DAWI)
KP- # 320306-08-5361
L - 1749990

10 hb. Oktober, 2002

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN.

**Per.: Pengesahan Perlaksanaan Sesi Temubual Untuk Tujuan Kajian
Peringkat Sarjana Sastera.**

Sukacita disahkan bahawa Norrizan bt. Seman, No. Kad Pengenalan 640103-06-5372, seorang pelajar program Sarjana Sastera (Sejarah) (No. Pendaftaran: AGBDS 00029) di Universiti Malaya, telah melaksanakan sesi temubual dengan diri saya bagi memenuhi keperluan kajian yang sedang beliau jalankan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



.....
PN. HJH. SALMA HASNA BT. SULAIMAN NAJIB
GURU PENOLONG KANAN
b. p. PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KHIR JOHARI
36900 TANJONG MALIM
PERAK.

11 hb. Oktober, 2002

KEPADА SESIAPA YANG BERKЕNAAN.

**Per.: Pengesahan Perlaksanaan Sesi Temubual Untuk Tujuan Kajian
Peringkat Sarjana Sastera.**

Sukacita disahkan bahawa Norrizan bt. Seman, No. Kad Pengenalan 640103-06-5372, seorang pelajar program Sarjana Sastera (Sejarah) (No. Pendaftaran: AGBDS 00029) di Universiti Malaya, telah melaksanakan sesi temubual dengan diri saya bagi memenuhi keperluan kajian yang sedang beliau jalankan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Zauyah.

.....
PN. ZAUYAH BT. DAUD
PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
KHIR JOMARI
36800 TAMJONG MALIM

23 hb. Oktober, 2002


KEPADА SESIAPA YANG BERKЕНАAN.

**Per.: Pengesahan Perlaksanaan Sesi Temubual Untuk Tujuan Kajian
Peringkat Sarjana Sastera.**

Sukacita disahkan bahawa Norrizan bt. Seman, No. Kad Pengenalan 640103-06-5372, seorang pelajar program Sarjana Sastera (Sejarah) (No. Pendaftaran: AGBDS 00029) di Universiti Malaya, telah melaksanakan sesi temubual dengan diri saya bagi memenuhi keperluan kajian yang sedang beliau jalankan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


(Radzuan A. Kadir)